

**ATURAN-ATURAN
BAGI MENJALANKAN
KUMPULAN WANG BANTUAN
PELAJARAN**

KOPERASI JIMAT CERMAT DAN PINJAMAN MERCANTILE BERHAD
ATURAN-ATURAN BAGI MENJALANKAN KUMPULAN WANG BANTUAN PELAJARAN

1. **TAJUK**

- 1.1 Aturan-Aturan ini adalah dinamakan “Aturan-Aturan Bagi Menjalankan Kumpulan Wang Bantuan Pelajaran Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad”.
- 1.2 Aturan-**Aturan** ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 8(3) dan dikuatkuasakan selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

*Pindaan
MAPT 250606*

2. **TAFSIRAN**

Di dalam Aturan-Aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Akta” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa kesemasa;

“anggota” ertinya seseorang yang telah diterima menjadi anggota Koperasi ini dan yang telah memenuhi kehendak undang-undang kecil 15(1);

“Aturan” ertinya sesuatu peruntukkan dalam Aturan-Aturan;

*Pindaan
MAPT 250606*

“Aturan-Aturan” ertinya “Aturan-Aturan Bagi Menjalankan Kumpulan Wang Bantuan Pelajaran Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad” dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa kesemasa;

“Koperasi” atau “Koperasi ini” ertinya Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad;

“keuntungan bersih Koperasi ini” ertinya keuntungan teraudit Koperasi ini bagi sesuatu tahun seperti ditunjukkan dalam akaun untung rugi menurut seksyen 56 Akta selepas diagihkan menurut undang-undang kecil 65;

“Lembaga” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang padanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan sebagaimana yang ditakrifkan dibawah seksyen 2 Akta, dan dibentuk menurut undang-undang kecil 35(1) serta tertakluk kepada undang-undang kecil 33 dan 37;

“laporan tahunan Lembaga” ertinya Laporan Lembaga yang disebut dalam undang-undang kecil 33(1)(b);

“mesyuarat agung perwakilan” ertinya mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas Koperasi ini seperti diperuntukkan dalam undang-undang kecil 24;

“undang-undang kecil” ertinya undang-undang kecil Koperasi ini dan termasuklah sebarang pindaan berdaftar kepadanya;

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal atau jamak, dan perkataan yang bererti jenis lelaki hendaklah meliputi jenis perempuan.

3. TUJUAN

Tujuan Aturan-Aturan diwujudkan ialah untuk:-

- 3.1 Membolehkan anggota dan tanggungan mereka mendapat bantuan dari Koperasi ini untuk membiayai perbelanjaan pelajaran mereka dan tanggungan mereka termasuk mengadakan Skim Insuran Pelajaran bagi mereka.
- 3.2 Menjalankan aktiviti ini dengan sempurna.
- 3.3 Mengawal akan perjalanan aktiviti ini.
- 3.4 Mendapatkan kumpulan wang untuk menjalankan aktiviti di bawah Aturan-Aturan ini.

4. KUMPULAN WANG BANTUAN PELAJARAN KOPERASI

Aktiviti ini adalah dibiayai dari sebuah kumpulan wang Koperasi yang dikenali sebagai Kumpulanwang Bantuan Pelajaran Koperasi.

5. SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan untuk Kumpulan Wang Bantuan Pelajaran Koperasi diperolehi seperti berikut:

- 5.1 Peruntukan tahunan terdiri dari pembahagian daripada keuntungan Koperasi ini seperti yang diperuntukkan di bawah Undang-undang Kecil 65(2)(f).
- 5.2 Sebagai peruntukan permulaan, Koperasi ini telah memindahkan ke dalam Kumpulanwang ini semua wang yang telah terkumpul di bawah "Sir George Maxwell Scholarship Fund".
- 5.3 Penerimaan derma-derma daripada **anggota** dan bukan **anggota**.

6. JENIS-JENIS BANTUAN

Jenis-jenis bantuan yang boleh dikeluarkan oleh Koperasi ini di bawah Peraturan ini termasuklah:

- 6.1 Dermasiswa
- 6.2 Biasiswa
- 6.3 Bantuan Khas Pelajaran

7. PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN KUMPULAN WANG BANTUAN PELAJARAN KOPERASI

Untuk mengurus dan mentadbirkan Kumpulan Wang Bantuan Pelajaran Koperasi ini boleh:

- 7.1 Mengurus dan mentadbirnya sendiri mengikut peraturan yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa dan/atau;
- 7.2 Memberi peruntukan tertentu dan Kumpulan Wang Bantuan Pelajaran Koperasi kepada institusi-institusi pelajaran untuk mengendalikan dan menguruskannya dengan syarat:
 - 7.2.1 Koperasi ini hendaklah diwakili di dalam badan yang mentadbir dan menguruskan peruntukan tersebut.
 - 7.2.2 Koperasi ini bolehlah mengenakan syarat-syarat yang tertentu bagi mengeluarkan bantuan-bantuan tersebut.

8. KUASA MUTLAK LEMBAGA

Lembaga mempunyai kuasa mutlak seperti berikut:

- 8.1 Lembaga adalah berkuasa sepenuhnya untuk meluluskan, menghadkan jumlah atau menolak sesuatu permohonan bantuan pelajaran tanpa memberikan apa-apa sebab.
- 8.2 Anggota tidaklah boleh menuntut bahawa sesuatu bantuan pelajaran itu adalah sebagai satu haknya.
- 8.3 Lembaga adalah berhak dan berkuasa untuk membuat peruntukan atau mengurangkan peruntukan yang hendak dikeluarkan di bawah Aturan ini.
- 8.4 Pelaksanaan aktiviti bantuan pelajaran Koperasi ini adalah tertakluk kepada keupayaan Kumpulan Wang Bantuan Pelajaran ini dan Lembaga hendaklah memastikan supaya jumlah bantuan pelajaran yang dikeluarkan pada satu-satu ketika adalah dalam kadar nisbah yang berpatutan dengan wang dalam Kumpulan Wang itu.
- 8.5 Lembaga adalah berhak menentukan beberapa banyak jenis bantuan pelajaran yang boleh diberi kepada anggota pada sesutu masa.
- 8.6 Keputusan yang dibuat oleh Lembaga bagi mana-mana satu bantuan pelajaran adalah muktamad dan tidaklah boleh dipertikaikan.

9. PINDAAN

Mesyyarat agung perwakilan boleh, dari masa ke semasa, atas perakuan Lembaga atau cadangan bertulis perwakilan yang telah terlebih dahulu dimasukkan dalam agendanya untuk meminda Aturan-Aturan ini.